

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 23.3.2017

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat mana pelaksanaan Kementerian menerusi Jabatan Pendidikan Negeri menggantikan bangunan berkayu sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah menengah agama di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bangunan berkayu yang masih kukuh tidak semestinya memerlukan penggantian kecuali disahkan tidak selamat melalui penilaian Jabatan Kerja Raya. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat inisiatif bagi mengenal pasti sekolah daif di negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

KPM sentiasa melaksanakan pembangunan sekolah daif. Pada tahun 2016, pembangunan sekolah daif bagi skop baik pulih, telah siap dilaksanakan di 51 buah sekolah di Sabah dan 08 sekolah di Sarawak.

Manakala, bagi pembinaan semula sekolah daif pula, lapan (8) buah sekolah telah siap dilaksanakan di Sarawak.

Pelaksanaan baik pulih dan pembangunan semula sekolah daif akan diteruskan pada tahun 2017 ke atas 30 buah sekolah lagi di Sabah, 30 sekolah di Sarawak dan 60 sekolah di Semenanjung Malaysia.

RJM72